

## **ANUGERAH SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA CEMERLANG/HARAPAN**

### **LATAR BELAKANG**

Anugerah Sekolah Agama Cemerlang bagi Sekolah-Sekolah Agama di negeri Selangor diberikan kepada sekolah yang terpilih mengikut kategori tertentu sempena Sambutan Hari Guru JAIS setiap tahun. Bermula tahun 2013, berdasarkan surat JAIS/BPI.03/02/007 (62) bertarikh 16 Sya;ban 1434H bersamaan 25 Jun 2013, Pertandingan Sekolah Cemerlang telah diwujudkan dan Unit Kualiti dan Unit Pengurusan Sekolah ketika itu bertindak sebagai sekretariat pertandingan. Sektor Pengurusan Naziran adalah pihak yang menjalankan penilaian ke Sekolah-Sekolah Agama di Negeri Selangor dengan tujuan memeriksa dan melapor hasil pemantauan kepada pihak panel Penilai ASACH . Pertandingan Sekolah Cemerlang telah dijenamakan semula dengan nama Anugerah Sekolah Cemerlang / Harapan atau ringkasnya ASACH dan diberikan kepada sekolah terpilih mengikut kategori sempena Hari Anugerah Kualiti Pendidikan, JAIS.

## PERKARA/ SKOP YANG DINILAI

Merujuk kepada surat JAIS/BPI.03/02/007/01 (62) bertarikh 16 Syaaban 1434H/25 Jun 2013M menyatakan bahawa penilaian untuk penganugerahan Sekolah Agama Cemerlang adalah berdasarkan Jadual berikut;

**Jadual : Perkara yang dinilai.**

<b>BIL.</b>	<b>KATEGORI SEKOLAH</b>	<b>INSTRUMEN YANG DIRUJUK</b>	<b>SKOP PENILAIAN</b>
1.	1. Prasekolah JAIS 2. Sek. Rendah Agama 3. Sek. Rendah Agama Integrasi DMYS SS17	Instrumen Penarafan Kendiri Standard Kualiti Pendidikan JAIS (SKPJ) dan rekod-rekod pemantauan lain	1. Pentadbiran dan Pengurusan 2. Tatacara Pengurusan Kewangan 3. Pengurusan Kurikulum 4. Pengurusan HEM 5. Pengurusan Kokurikulum
2.	Kelas al-Quran dan Fardhu Ain Integrasi (KAFAI)	Instrumen Pengurusan KAFAI dan rekod pemantauan lain	
3.	Sekolah Rendah Agama Integrasi	SPK MS ISO 9001:2008 dan rekod pemantauan lain	
4.	1. Maahad Integrasi Tahfiz Selangor 2. Sekolah Agama Menengah / Menengah Tinggi	Instrumen Pemantauan SAN dan rekod 0rekod lain	1.Pengurusan Kurikulum Al Azhar 2. Program Usrah 3. KAMIL

## SKOR DAN PERATURAN

Skor dan peraturan adalah tertakhluk kepada Jadual di bawah;

**Jadual 3 : Penarafan Sekolah**

PERATUS PENCAPAIAN	TARAF
90% hingga 100%	Sekolah Cemerlang
50% hingga 89%	Sekolah Harapan
35% hingga 49%	Sekolah Musaadah
25% hingga 34%	
0% hingga 24%	

### KANDUNGAN ASPEK MENGIKUT ELEMEN YANG DINILAI

Aspek-aspek penting yang dinilai dan menjadi asas penetapan kualiti untuk anugerah Sekolah Cemerlang;

**JADUAL : Aspek Penilaian**

PERKARA / ELEMEN	SUB PERKARA / SUB ELEMEN
Pengurusan	Hala Tuju , Struktur Organisasi, Perancangan Strategik sekolah, Pengurusan maklumat, Pengurusan Fail dan dokumen, Inventori dan asset, laporan pemantauan, mesyuarat-mesyuarat berkaitan, taqvim tahunan
Akademik	Kurikulum, Panitia ,RPP/RPH, Jadual waktu, Penyelian PdP, Peperiksaan , PSS, Program Kajian Tindakan. post mortem kurikulum, post mortem peperiksaan, graf peperiksaan, perancangan strategik kurikulum
Hal Ehwal Murid / kokurikulum	Kokurikulum, Kantin, UB, Persatuan, PSP, SPBT, perancangan strategik kokurikulum dan HEM
Kewangan	Bajet tahunan sekolah, bajet unit-unit di sekolah, post mortem kewangan , Buku tunai, perolehan, PWR, penyata Kewangan, Kedai sekolah,
Kurikulum Al Azhar	Pengurusan kurikulum, Panitia, PdP Guru , keputusan SMA, Kursus, Program SMA
Kemahiran Amal Islami	Penyertaan dan keputusan
Lain-lain	Program JAIS di SAM/SAMT seperti Usrah